

# ‘Orde ekonomi global baharu perlu diterajui Asia’

**Kuala Lumpur:** Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, kenyataan ‘usaha atur semula ekonomi global mesti ditulis dengan dakwat Asia’ merujuk kepada orde ekonomi global baharu perlu diterajui Asia.

Perdana Menteri berkata, kenyataan beliau yang disampaikan menerusi syarahan umum di Universiti Tianjin ketika lawatan kerja ke Tianjin, China,

pada 1 September lalu, itu dibuat memandangkan Asia adalah enjin pertumbuhan global dan abad ke-21.

Katanya, seruan beliau supaya pembinaan semula ekonomi global perlu ‘ditulis dalam dakwat Asia’ adalah menekankan mengenai kepentingan menyepadukan perspektif, falsafah dan amalan dari Asia ke dalam rangka kerja yang membentuk

ekonomi dunia.

Beliau berkata, naratif berpusatkan Barat dalam wacana ekonomi global perlu beralih kepada naratif dilihat daripada perspektif Asia.

“Pendekatan sedemikian bukan hanya mengiktiraf sumbangan ekonomi negara Asia yang ketara daripada kemajuan teknologi pesat kepada sistem kewangan inovatif, tetapi juga

menggalakkan dialog lebih inklusif dan seimbang.

“Ketika ini, terdapat pelbagai aliran penstrukturan dan penyusunan semula ekonomi global.

“Selama beberapa dekad sebelum ini, keterbukaan perdagangan membolehkan negara membangun mengalami lonjakan ekonomi, menumpu ke arah pendapatan lebih tinggi dan me-

ngeluarkan jutaan rakyat daripada belenggu kemiskinan,” katanya dalam jawapan bertulis di laman sesawang Parlimen.

Beliau menjawab soalan Hassan Abdul Karim (PH-Pasir Gudang) mengenai maksud kenyataan ‘usaha atur semula ekonomi global mesti ditulis dengan dakwat Asia’ seperti dalam ucapan Anwar di Tianjin, China, baru-baru ini.